

# **TUN DR. ISMAIL DALAM POLITIK AWAL MALAYSIA, 1956-1973**

---

**Shahirah binti Mustaffa  
Arba'iyah Mohd. Noor**

## **Abstract**

*The ministerial career of Tun Dr. Ismail's was rarely discussed by previous researchers. He was mainly remembered as a former Home Minister and the second Deputy Prime Minister. In order to address this gap in scholarship on this topic, this article seeks to provide an analysis of the ministerial portfolios he held since 1956 until his death in 1973. The discussion in this article focus on the aspects Dr. Ismail considered as top priority during his time as minister. The article argues that since Dr. Ismail held the Commerce and Industry, until his tenure as Deputy Prime Minister, he gave top priority to the economic and security aspects. Both aspects were seen as co-dependent, and considered as a benchmark in measuring the level of security and stability of a nation. Therefore, Dr. Ismail is seen as a successful leader in building the basis of national security and ensuring the continuing independence of the country to this day.*

## **Pengenalan**

Tun Dr. Ismail adalah tokoh yang tidak asing lagi dalam politik tanah air kita terutama era awal setelah Malaysia merdeka. Walaupun pernah menggelar dirinya sebagai "*a reluctant politician*", tetapi beliau tidak menjadikan hal tersebut sebagai alasan untuk menjalankan segala tugas yang diamanahkan dengan separuh hati. Sejak zaman remajanya beliau telah menunjukkan sifat-sifat sebagai seorang pemimpin yang berkaliber dan sentiasa gigih dalam melakukan tugasnya semata-mata demi kepentingan bangsa, agama dan negara.

Tidak ramai pengkaji membuat penelitian mengenai pembabitan Tun Dr. Ismail sebagai ahli politik terutamanya ketika beliau memegang jawatan sebagai menteri kabinet. Secara umumnya, kajian mengenai Dr. Ismail lebih tertumpu kepada biografi dan perjalanan kerjaya beliau sebagai menteri. Fokus terhadap penonjolan peranan dan sumbangan beliau sepanjang kerjaya sebagai menteri kabinet amat kurang diberi perhatian mendalam. Hal ini perlu dipaparkan terutama ketika beliau dilantik memegang beberapa jawatan dalam kerajaan pada era Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak.

### Latar Belakang Tun Dr. Ismail

Dr. Ismail yang berasal dari Johor Bahru telah dilahirkan pada 4 November 1915. Beliau merupakan anak kepada pasangan Dato' Abdul Rahman Yassin dan Zaharah Abu Bakar.<sup>1</sup> Dr. Ismail memulakan persekolahan di Sekolah Bukit Zaharah, Johor Bahru sebelum memasuki English College, Johor Bahru pada tahun 1922.<sup>2</sup> Selepas tamat pengajian di English College, beliau melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan di Kolej Perubatan King Edward VII<sup>3</sup> dari tahun 1935 sehingga 1937,<sup>4</sup> dengan tajaan biasiswa daripada Kerajaan Johor.<sup>5</sup> Namun disebabkan kelemahan latar belakang dalam bidang sains, pengajian Dr. Ismail di Singapura tidak dapat disempurnakan sehingga tamat. Ini kerana beliau tidak dapat bersaing dengan pelajar-pelajar dari Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Singapura.<sup>6</sup>

Dr. Ismail berasal daripada keluarga yang amat mementingkan pendidikan dan perkara ini jelas terbukti apabila W.E Pepys, Penasihat Umum Inggeris menyatakan bahawa satu-satunya orang Melayu di Johor yang mempunyai ijazah pada ketika itu adalah Suleiman Abdul Rahman iaitu abang Dr. Ismail.<sup>7</sup> Bukti lain yang menyokong kenyataan ini adalah sikap dan usaha ayah Dr. Ismail yang sanggup membayai sendiri kos pendidikan anak-anaknya di luar negara.<sup>8</sup> Selain itu, ketika di zaman mudanya, Dato' Abdul Rahman juga sanggup berulang-alik ke Singapura hampir setiap hari demi untuk menuntut ilmu di Raffles College.<sup>9</sup> Sikap gigih Dato' Abdul Rahman dalam mengejar ilmu telah diwarisi oleh anak-anaknya. Oleh itu, tidak hairanlah dilihat bahawa Dr. Ismail tidak pernah berputus-asa dalam mendapatkan ilmu dan berjuang untuk menggapai cita-cita beliau.

Usaha Dr. Ismail untuk menggenggam impian menjadi seorang doktor perubatan tidak terhenti selepas beliau menarik diri daripada Kolej Perubatan King Edward VII. Beliau telah membuat permohonan di Hong Kong dan Australia untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang ini.<sup>10</sup> Namun begitu, permohonan beliau ke Hong Kong tidak berjaya tetapi permohonan ke Universiti Melbourne, Australia telah mendapat

jawapan yang positif.<sup>11</sup> Oleh itu, pada Mei 1940, Dr. Ismail telah berangkat ke Australia untuk melanjutkan pelajaran. Setelah hampir lima tahun bertungkus-lumus, akhirnya beliau berjaya menamatkan pengajian pada 5 Jun 1945. Malahan kejayaan ini amat bermakna kerana beliau merupakan orang Melayu pertama yang berjaya memperoleh Ijazah Perubatan dari Australia.<sup>12</sup>

### **Penyertaan Awal Dalam Politik**

Sekembalinya ke Tanah Melayu,<sup>13</sup> Dr. Ismail tidak terus melibatkan diri dalam UMNO walaupun Dato' Onn<sup>14</sup> telah beberapa kali mempelawa beliau menyertai UMNO.<sup>15</sup> Beliau mula bergiat aktif dalam politik UMNO ketika Tunku dilantik menjadi Yang Dipertua UMNO. Namun demikian, sebelum menyertai UMNO beliau sudah mula membabitkan diri dalam *The Graduates Association* yang berpangkalan di Johor Bahru. Persatuan ini dianggotai oleh bekas-bekas pelajar dari negeri Johor yang telah tamat pengajian dari luar negara.<sup>16</sup>

Kemenangan pihak Perikatan dengan memperoleh majoriti 51 kerusi berbanding 52 kerusi yang dipertandingkan dalam pilihanraya 1955 telah membolehkan pihak Perikatan di bawah pimpinan Tunku membentuk kerajaan. Dalam pembentukan kabinet pertama Tunku, beliau telah melantik Dr. Ismail sebagai Menteri Hasil Bumi. Kemudianya, pada 1956, Tunku telah melakukan rombakan pada kabinetnya dan melantik Dr. Ismail sebagai Menteri Perdagangan dan Perusahaan. Setelah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, Tunku telah melantik Dr. Ismail untuk memegang jawatan sebagai Menteri Tanpa Portfolio sekaligus menghantar beliau ke Amerika Syarikat untuk memegang jawatan sebagai Duta dan Wakil Tetap pertama Tanah Melayu ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Selepas pulang ke Tanah Melayu pada 1 Februari 1959, Dr. Ismail telah dilantik menggantikan Tunku untuk memegang jawatan sebagai Menteri Luar dan jawatan ini disandang beliau dari 3 Februari 1959 sehingga 31 Ogos 1960.<sup>17</sup> Tunku dalam ucapannya ketika menyambut kemerdekaan negara yang ke-4, telah mengumumkan mengenai pembentukan sebuah portfolio baru dalam kabinetnya iaitu Kementerian Dalam Negeri. Selari dengan pengumuman portfolio baru ini, Tunku mengumumkan pelantikan Dr. Ismail sebagai peneraju kementerian baru ini dan Kementerian Luar Negeri akan diambil semula oleh beliau. Pelantikan Dr. Ismail sebagai Menteri Dalam Negeri amat bertepatan sekali dengan karakter beliau yang tegas dan adil.<sup>18</sup> Kerjaya Dr. Ismail sebagai Menteri Dalam Negeri bermula pada 1 September 1960 sehingga 31 Mei 1967.<sup>19</sup>

Selepas itu, jawatan ini diambil alih oleh Tun Abdul Razak bermula 1 Jun 1967 sehingga 13 Mei 1969 kerana Dr. Ismail mengambil keputusan untuk bersara sebagai menteri.<sup>20</sup> Disebabkan berlakunya peristiwa rusuhan kaum ketika itu, Dr. Ismail yang telah bersara sebagai menteri telah kembali ke arena politik untuk menunaikan tanggungjawab membantu negara sebagai Menteri Dalam Negeri bermula pada 14 Mei 1969 sehingga 2 Ogos 1973. Portfolio Kementerian Dalam Negeri ini boleh dikatakan portfolio “favourite” Dr. Ismail dan portfolio ini merupakan portfolio yang paling lama diterajui beliau. Apabila Tunku melepaskan jawatan sebagai Perdana Menteri Malaysia, Tun Razak mengambil alih jawatan sebagai Perdana Menteri.<sup>21</sup> Selaras dengan pelantikan itu, beliau telah mengumumkan Dr. Ismail sebagai Timbalan Perdana Menteri.<sup>22</sup> Dr. Ismail telah memegang jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri bermula dari 22 September 1970 sehingga 2 Ogos 1973.

### **Penekanan Terhadap Aspek Ekonomi**

Sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan sehingga pada 1960, Dr. Ismail dilihat lebih memberi tumpuan terhadap aspek ekonomi dan selepas tahun 1960 beliau dilihat lebih memberi penekanan terhadap aspek keselamatan. Ketika memegang jawatan sebagai Menteri Perdagangan dan Perusahaan, beliau merasakan bahawa faktor ekonomi amat penting bagi memastikan negara berjaya mendapatkan kemerdekaan dan kemudiannya mengekalkannya. Menyedari mengenai kepentingan dalam memajukan ekonomi negara, beliau telah berusaha mempromosi negara dan menarik pelabur-pelabur asing untuk mananam modal ke dalam negara. Langkah awal yang diambil oleh beliau dalam menstabilkan ekonomi negara adalah dengan mencari pakar-pakar ekonomi dari luar negara yang telah maju untuk menguruskan *Rural Industrial Development Authority* (RIDA) dan membentuk bank rakyat.<sup>23</sup> Demi memastikan keadaan ekonomi negara terus kukuh, Dr. Ismail merasakan adalah wajar bagi Tanah Melayu memanfaatkan kemudahan pinjaman yang diberikan dalam Rancangan Colombo. Oleh itu, atas kapasiti sebagai Menteri Perdagangan dan Perusahaan, Dr. Ismail telah memohon bantuan modal kelengkapan melalui Rancangan Colombo agar negara dapat memanfaatkan modal tersebut untuk tujuan membangunkan ekonomi negara.<sup>24</sup>

Pada awal pembentukan negara, Dr. Ismail dikira berjaya menjalankan tugasnya dengan baik dalam membentuk strategi untuk menarik pelabur asing. Walaupun tidak mempunyai pengalaman dalam bidang ini, namun beliau telah mengarahkan kementeriannya (Kementerian Perdagangan dan Perusahaan) untuk menerbitkan sebuah buku kecil yang memaparkan informasi mengenai potensi yang ada

di Tanah Melayu untuk diteroka oleh pelabur-pelabur asing.<sup>25</sup> Usaha menerbitkan risalah tersebut bertujuan memudahkan pelabur-pelabur asing mendapatkan maklumat asas sebelum membuat pelaburan ataupun membentuk kerjasama perdagangan dengan Tanah Melayu. Selain bertujuan menarik pelabur asing, risalah tersebut juga secara tidak langsung telah mempromosi Tanah Melayu kepada masyarakat antarabangsa. Perkara ini bukan sahaja akan menarik pelabur, malahan turut menarik minat pelancong asing untuk datang melawat Tanah Melayu.

Maklumat mengenai publisiti Tanah Melayu dan mesej yang disampaikan oleh Dr. Ismail ini telah dicetak sebanyak 50 ribu naskhah dan telah diedarkan di 80 buah negara. Dalam mesej tersebut menyatakan bahawa Tanah Melayu telah menghasilkan sebanyak satu pertiga daripada permintaan getah dunia dan menghasilkan sebanyak 38 peratus sumber bijih timah dunia.<sup>26</sup> Beliau juga menambah:

*It imports from 70 countries the capital equipment needed for its developing industries and consumer goods for its six million people. Three quarters of the country, 50, 000 square miles is still undeveloped and the scope for development is vast.<sup>27</sup>*

Kedua-dua sumber komoditi ini merupakan bahan eksport utama Tanah Melayu, malahan, Tanah Melayu merupakan pengeluar getah kedua terbesar dunia.<sup>28</sup> Bagi memanfaatkan kelebihan ini, Dr. Ismail berusaha keras untuk menarik pelabur-pelabur industri getah dunia untuk melabur ke Tanah Melayu.<sup>29</sup> Kesannya, hampir setiap tahun eksport getah di Tanah Melayu meningkat dengan mendadak. Misalnya pada tahun 1955, eksport getah sebanyak 994.2 tan dan pada tahun 1957, jumlah ini meningkat kepada 1,002.2 tan.<sup>30</sup> Langkah-langkah yang diambil oleh beliau pada peringkat awal ini amat penting dalam memastikan pelabur-pelabur dari luar mengetahui prospek pelaburan di Tanah Melayu. Dr. Ismail berusaha untuk membina asas yang kukuh terhadap ekonomi Tanah Melayu agar dapat terus berkembang maju. Selain itu, usaha-usaha beliau untuk menarik pelabur-pelabur asing secara tidak langsung dapat memperkenalkan negara ke peringkat antarabangsa. Usaha promosi seperti ini memberi impak positif terhadap pembangunan negara kerana selain menarik para pelabur ia juga mampu menarik pelancong-pelancong asing datang melawat negara. Kejayaan yang cemerlang menerajui kementerian ini telah menyebabkan beliau sekali lagi dilantik menjadi Menteri Perdagangan dan Perusahaan pada tahun 1973.

Pada 15 Julai 1957, Dr. Ismail telah berangkat ke Amerika Syarikat untuk mencari bangunan kedutaan. Di samping menjalankan usaha

mencari bangunan beliau mengambil kesempatan ini untuk mencari pelabur-pelabur asing menanam modal ke Tanah Melayu. Usaha Dr. Ismail dalam menarik pelaburan asing dapat dilihat melalui tindakan beliau bertemu beberapa tokoh penting seperti Mr. Dulles dan Mr. Christian Herter, bekas Gabenor Massachusetts untuk mencari peluang perdagangan.<sup>31</sup> Beliau dengan tegas menyatakan bahawa apa yang diperlukan beliau adalah perdagangan dan bukannya bantuan.<sup>32</sup> Tindakan beliau ini telah meningkatkan imej negara, walaupun Tanah Melayu merupakan sebuah negara baru dan sangat memerlukan sumber kewangan yang banyak, namun beliau tidak ingin menggeminis bantuan kewangan dari Amerika Syarikat sebaliknya berusaha untuk mendapatkan sumber kewangan melalui perdagangan.

Selain berjumpa dengan tokoh-tokoh politik Amerika Syarikat, Dr. Ismail turut mengambil kesempatan bertemu tokoh-tokoh perniagaan Amerika Syarikat bagi meyakinkan mereka mengenai peluang-peluang perdagangan yang wujud di Tanah Melayu. Hal ini jelas dapat dilihat melalui surat yang dihantar beliau kepada Tunku yang berbunyi:

*I met many businessman who showed a keen interest in Malaya. Some seem doubtful about our ability to maintain tin and rubber supplies after independence. They were concerned about the future political situation. I think I convinced them that Malaya had a very bright future politically and economically and that we would soon overcome the communist menace. The Americans were very interested in Malaya and were pleased by the way we have achieved merdeka.<sup>33</sup>*

Dr. Ismail tidak mensia-siakan peluang berulang-alik ke Amerika Syarikat untuk mencari bangunan kedutaan.<sup>34</sup> Beliau berusaha agar setiap langkah beliau di Amerika Syarikat akan memberi manfaat kepada Tanah Melayu. Oleh demikian, setiap peluang dimanfaatkan beliau sebaiknya. Justeru itu, perkara ini secara tidak langsung menolak dakwaan yang dibuat oleh Parti Buruh Malaya yang mengkritik tindakan berulang-alik Dr. Ismail ke Amerika Syarikat yang disifatkan sebagai membazir dan terburu-buru. Malahan, mereka berpendapat bahawa Dr. Ismail sebagai duta tidak perlu melakukan pekerjaan yang remeh dan membosankan untuk mencari bangunan. Tanah Melayu sepatutnya meminta Duta Britain di Amerika Syarikat untuk mendapatkan tempat yang sesuai untuk Tanah Melayu di Washington dan perkara ini akan lebih menjimatkan kerana tidak perlu mengeluarkan sebarang belanja.<sup>35</sup>

Tindakan Dr. Ismail menguruskan sendiri soal pembelian bangunan ini amat tepat sekali bagi sebuah negara yang bakal memperoleh status kemerdekaan, kerana secara tidak langsung menunjukkan kemampuan Tanah Melayu untuk menjalankan pentadbiran dan menguruskan hal ehwal negara dengan sendiri tanpa perlu bergantung dengan pihak

British. Selain itu, tindakan ini juga telah memperkenalkan negara kepada masyarakat di Amerika Syarikat dan antarabangsa, selain berpeluang bertemu sendiri dengan pelabur-pelabur asing untuk menerangkan mengenai suasana ekonomi yang boleh diterokai oleh mereka. Peluang ini tidak dapat diperoleh sekiranya Dr. Ismail tidak menguruskan sendiri mengenai hal ehwal mencari bangunan kedutaan dan jika kesempatan ini diberi kepada pihak British, sedikit sebanyak akan menggugat pandangan para pelabur terhadap keupayaan Tanah Melayu untuk menjalankan pentadbiran sendiri.<sup>36</sup>

Pada 5 September 1957, Dr. Ismail telah berangkat ke Amerika Syarikat dengan memegang status Menteri Berkuasa Penuh Tanpa Portfolio sekaligus menjadikan beliau sebagai Duta Besar Tanah Melayu pertama ke Amerika Syarikat.<sup>37</sup> Walaupun telah meninggalkan jawatan sebagai Menteri Perdagangan dan Perusahaan, namun beliau tetap meneruskan usaha untuk membantu meningkatkan ekonomi negara dengan menarik pelabur-pelabur asing menanam modal ke Tanah Melayu dan mempromosi negara kepada masyarakat antarabangsa ketika beliau memegang jawatan sebagai Duta dan Wakil Tetap ke PBB.<sup>38</sup> Usaha Dr. Ismail dalam menarik pelabur asing dan meningkatkan ekonomi Tanah Melayu dilakukan beliau dengan pelbagai kaedah. Antaranya melalui taklimat yang diberikan beliau ketika melawat Anderson. Melalui taklimat yang diberikan, beliau memperkenalkan Tanah Melayu dalam pelbagai aspek iaitu ekonomi, politik, sosial dan persamaan yang wujud antara Tanah Melayu dengan Amerika Syarikat.<sup>39</sup>

Dr. Ismail juga dilihat amat serius dalam memperkenalkan Tanah Melayu sebagai negara yang kaya dengan hasil getah dan berusaha menarik pelabur-pelabur yang berminat dalam industri getah untuk datang membuat pelaburan di Tanah Melayu. Ketika berucap di *Far-East American Council of Commerce and Industry* pada 25 September 1958, beliau menyatakan:

*Market prospects for natural rubber seem to be favourable despite the recent depressed state of the rubber market. The free world consumption of all types of rubber, both natural and synthetic, has been increasing at an annual average rate of 4.5 percent a year and it seems reasonable to expect that world consumption will be double the present level within the next 15 to 20 years. The competition of synthetic rubber does not worry Malaya too much, since the technological cost of synthetics is likely to increase, rather than decrease.<sup>40</sup>*

Pada 17 Mac 1958, Dr. Ismail berpeluang menerokai industri getah di Akron. Peluang keemasan ini dimanfaatkan beliau sebaik-baik mungkin untuk menarik pelabur-pelabur yang berkecimpung dalam

industri getah untuk melabur di Tanah Melayu. Pada kesempatan ini, Dr. Ismail telah bertemu dengan tokoh-tokoh penting dalam industri getah seperti Mr. dan Mrs. Klippert yang merupakan pemilik syarikat getah terkenal, Goodyear. Dr. Ismail dan rombongannya telah dibawa untuk melawat ke kilang dan ladang Goodyear. Peristiwa ini merupakan suatu perkara yang baik untuk peningkatan ekonomi Tanah Melayu di samping berpeluang untuk menarik pelabur-pelabur tersebut ke Tanah Melayu. Di samping itu, Dr. Ismail juga berpeluang mempelajari daripada syarikat-syarikat gergasi dalam bidang getah mengenai kaedah-kaedah yang digunakan mereka yang mungkin boleh diaplikasikan dalam industri getah di Tanah Melayu. Kesempatan untuk melawat industri getah Akron membolehkan beliau bertemu dengan tokoh-tokoh gergasi dunia dalam industri getah. Selain itu, beliau turut berkesempatan bertemu Pengurus dan Ketua Eksekutif Goodrich serta Presiden Manufactures Association yang juga merupakan individu yang bertanggungjawab dalam menguruskan mengenai lawatan Dr. Ismail ke Akron.<sup>41</sup>

Dalam lawatan ini juga, Dr. Ismail berpeluang untuk menemui anak pemilik syarikat getah yang terkenal di seluruh dunia iaitu Mr. Firestone, anak pengasas syarikat Firestone Rubber Company. Kesempatan bertemu dengan tokoh-tokoh besar dalam perdagangan getah dimanfaatkan beliau sebaik mungkin iaitu dengan mengajak pelabur-pelabur di Amerika Syarikat untuk membuat pelaburan di Tanah Melayu. Beliau menyatakan bahawa pelabur-pelabur Amerika Syarikat amat dialu-alukan di Tanah Melayu. Malahan beliau juga pernah mengeluarkan kenyataan yang sama di hadapan para pelabur, ketua-ketua pendidikan, wakil dari PBB, wakil rasmi kerajaan Amerika Syarikat dan pelajar-pelajar jurusan pentadbiran perniagaan.<sup>42</sup> Kesungguhan beliau dalam menarik para pelabur asing terutamanya dari Amerika Syarikat mempamerkan kesungguhan beliau dalam membangunkan dan mengembangkan ekonomi negara.

Bagi menambah keyakinan pelabur-pelabur asing terhadap tahap kestabilan ekonomi Tanah Melayu, Dr. Ismail ketika bertugas sebagai Duta dan Wakil Tetap PBB telah menggesa Kerajaan untuk menubuhkan Bank Pusat.<sup>43</sup> Cadangan ini amat penting bagi prospek pelaburan asing ke dalam negara. Tanpa kewujudan Bank Pusat, sukar untuk meyakinkan pelabur-pelabur asing untuk menyuntik pelaburan ke dalam negara. Kesungguhan Dr. Ismail berusaha menarik pelabur-pelabur asing telah menyebabkan beliau menulis surat kepada Tunku yang ketika itu memegang jawatan sebagai Perdana Menteri dan Menteri Luar. Dalam suratnya, beliau menyatakan bahawa:

Bank Pusat adalah salah satu lambang kemerdekaan. Selagi Bank Pusat belum ditubuhkan, ini bermakna kita masih lagi belum merdeka

dari segi kewangan, dan sukar untuk berbincang bagi menarik pelaburan asing selain daripada pelaburan dari negara-negara Komanwel. Pelabur Amerika yang saya temui teragak-agak untuk menjalankan urusan perniagaan dengan kita kecuali jika kita bebas dari U.K dalam aspek kewangan.<sup>44</sup>

Pada 24 dan 25 April 1958, Dr. Ismail telah berada di New York untuk makan malam bersama Jacobson dari Bank Chase Manhantan. Jacobson yang pernah melawat Tanah Melayu meluahkan rasa dukacitanya terhadap penangguhan menubuhkan Bank Pusat:

*He was sorry to hear of the delay in setting up our Central Bank. Central Bank, according to him, is an attribute of a country's economic independence. He did not see any difficulties at all setting up a Central Bank. As for the Governor of the Bank, if the Federation Government could pick a senior civil servant interested in economics he could guarantee to get him trained to be Governor of our Central Bank within a matter of weeks. Without a Central Bank, there is no means by which American capital can participate on a large scale in Malayan economy.*<sup>45</sup>

Rasa dukacita mengenai penangguhan untuk menubuhkan Bank Pusat ini turut mengecewakan Dr. Ismail kerana Bank Pusat ini amat penting bagi negara bukan sahaja sebagai simbol kebebasan dari segi kewangan malahan penting untuk mengukuhkan keyakinan pelabur-pelabur asing untuk menanam modal dalam negara.

Kesungguhan Dr. Ismail dalam mendesak kerajaan mempercepatkan penubuhan Bank Pusat, jelas dilihat apabila beliau turut mengirimkan surat kepada Tun Razak yang ketika itu Menteri Pertahanan mengenai usul beliau mengenai penubuhan Bank Pusat. Beliau mengirimkan surat tersebut kepada Tun Razak mungkin kerana Dr. Ismail sedar bahawa Tun Razak merupakan penasihat kepada Tunku. Sebab lain juga adalah kerana Tun Razak merupakan tunjang kedua dalam kerajaan dan juga parti UMNO. Pada 28 Mei 1958, Tun Razak telah membalias kiriman surat daripada Dr. Ismail yang mengusulkan mengenai cadangan penubuhan Bank Pusat di Persekutuan Tanah Melayu. Dalam surat tersebut, Tun Razak menyatakan penghargaan di atas cadangan Dr. Ismail itu dan beliau memaklumkan kepada Dr. Ismail bahawa beliau telah mengambil beberapa tindakan susulan di atas cadangan Dr. Ismail mengenai penubuhan Bank Pusat. Langkah yang diambil Tun Razak ialah berjumpa dengan Oscar A. Spencer untuk berbincang lebih lanjut mengenai penubuhan Bank Pusat dan juga H.S Lee agar menyiapkan kertas kerja mengenai hal ini untuk dibentangkan kepada kabinet.

Desakan dan usaha yang dilakukan oleh Dr. Ismail dalam meminta pihak Kerajaan menubuhkan Bank Pusat akhirnya membawa hasil. Kabinet negara telah membuat persetujuan untuk menubuhkan Bank

Pusat pada 1 Januari 1959 jika tiada sebarang halangan. Hasil mesyuarat kabinet ini dimaklumkan Tun Razak kepada Dr. Ismail melalui kiriman surat iaitu:

*I thank you very much for your note and advice on the question of the establishment of a Central Bank. On receipt of your letter I immediately talked to Spencer and got H.S Lee to put up a paper to the Cabinet. You will by now have seen the Cabinet paper on the subject and cabinet has now firmly decided that a Central Bank should be established by the 1<sup>st</sup> January 1959—the date you suggested in your letter. You will appreciate for reasons as stated in the cabinet paper that it is not possible to go all the way with the establishment of this Bank for a start. Anyway, we shall have a Central Bank if God wills it by 1<sup>st</sup> January, and then we shall endeavour to ask the Currency Commission to consider the issue of new notes, with designs compatible with our status as an independent nation. In fact, I have just issued a press statement on the subject. I have not yet gone into the question of the Governor of the Bank but will discuss the matter with H.S. Lee when he comes back from Tokyo.<sup>46</sup>*

Akhirnya, Parlimen Tanah Melayu telah meluluskan Ordinan Bank Negara Persekutuan Tanah Melayu pada 23 Oktober 1958.<sup>47</sup> Secara rasminya, Bank Pusat Tanah Melayu yang dikenali sebagai Bank Negara Persekutuan Tanah Melayu telah ditubuhkan pada 26 Januari 1959.

Usaha Dr. Ismail dalam menarik pelabur asing dan membangunkan ekonomi negara tetap diteruskan beliau ketika dilantik sebagai Menteri Luar pada 3 Februari 1959, selepas selesai perkhidmatan beliau sebagai Duta dan Wakil Tetap ke PBB. Beliau yang baru pulang dari Amerika Syarikat menyarankan agar kerajaan membina sebuah bangunan untuk dijadikan sebagai “little America”.<sup>48</sup> Tujuannya adalah untuk mempelajari dan mencontohi model ekonomi Amerika Syarikat yang telah terbukti menjadi kuasa ekonomi dunia sehingga ke hari ini. Dr. Ismail menyebut bahawa:

Kita tidak perlu meniru seratus peratus cara kapitalis moden yang digunakan oleh Amerika. Tetapi saya merasakan ini adalah ciri kapitalisme yang kita perlukan di negara ini agar semua peringkat mendapat manfaat darinya.<sup>49</sup>

Beliau berharap agar negara dapat memanfaatkan mana-mana bahagian yang bersesuaian dalam sistem ekonomi yang digunakan oleh Amerika Syarikat untuk diaplikasikan di Tanah Melayu.

Tindakan Dr. Ismail yang mementingkan ekonomi negara amat ketara dilihat apabila beliau mengambil keputusan untuk mengadakan rundingan dengan Mr. Homer Byington Jr. yang merupakan Duta Amerika Syarikat ke Tanah Melayu.<sup>50</sup> Rundingan ini berhasil apabila

kedua-dua pihak telah mencapai persetujuan untuk menandatangani perjanjian perdagangan. Harapan Dr. Ismail terhadap perjanjian perdagangan ini amat tinggi, beliau menyatakan:

*I hope this will act like a magnet to draw more capital to Malaya. This agreement is rather like a starting switch for a complicated machine. Turning the switch set in motion a number of technical operations.<sup>51</sup>*

Perjanjian perdagangan ini diharapkan akan lebih menarik pelabur-pelabur dari Amerika Syarikat untuk menanam modal ke Tanah Melayu. Selain itu, beliau juga mengharapkan agar kehadiran pelabur-pelabur dari Amerika Syarikat akan memecahkan monopoli ekonomi oleh pihak British di Tanah Melayu. Malahan, Mr. Byington mengharapkan agar perjanjian ini bukan sahaja akan dapat mengukuhkan ekonomi Tanah Melayu tetapi dapat mengeratkan hubungan persahabatan yang terjalin antara Amerika Syarikat dan Tanah Melayu:

*I hope this agreement will help the federation of Malaya in providing greater employment for Malayans and a rise in the standard of living and will also lead to still closer friendly relations between the peoples of our two nations.<sup>52</sup>*

Ketika memegang jawatan sebagai Menteri Luar, Dr. Ismail dilihat bukan sekadar menjalankan usaha-usaha membaiki hubungan Tanah Melayu dengan negara luar, tetapi turut mengambil kesempatan menjalin persahabatan dalam aspek ekonomi. Misalnya, ketika Persidangan Colombo di Jogjakarta pada 1959, beliau telah mengadakan perbincangan dengan Dr. Subandrio, wakil kerajaan Indonesia mengenai cadangan untuk mengadakan perjanjian persahabatan ekonomi dengan negara-negara di rantau Asia Tenggara.<sup>53</sup> Selain itu, Dr. Ismail mencadangkan untuk mengadakan promosi bagi menghebahkan mengenai perdagangan dan budaya kedua-dua negara.<sup>54</sup> Menurutnya, apabila promosi dan maklumat mengenai budaya dan geografi ekonomi kedua-dua negara diperkenalkan kepada masyarakat antarabangsa, ia bukan sahaja mampu menarik pelabur-pelabur asing, malah idea ini juga mampu menarik pelancong untuk datang melawat ke Tanah Melayu dan Indonesia. Impak daripada tindakan ini akan memberi manfaat dalam perkembangan ekonomi kedua-dua buah negara serta berupaya mengukuhkan hubungan persahabatan antara negara.<sup>55</sup>

### **Tumpuan Terhadap Aspek Keselamatan**

Semenjak memegang jawatan sebagai Menteri Dalam Negeri (1960-1973) sehingga Timbalan Perdana Menteri (1971-1973), didapati Dr. Ismail banyak memberi tumpuan terhadap soal-soal keselamatan

berbanding aspek ekonomi yang menjadi tumpuan utamanya sebelum ini. Tugas terhadap keselamatan membuatkan beliau bertambah sibuk memandangkan beliau harus memantau pelbagai aspek yang boleh membawa ancaman kepada keselamatan negara. Ancaman keselamatan negara datang dalam pelbagai bentuk, antaranya ancaman media massa. Misalnya, majalah *Far Eastern Economic Review* yang dicetak di Hong Kong kadangkala mengeluarkan kenyataan yang memburuk-burukkan pemimpin Malaysia dan cuba menyalakan api perkauman dalam kalangan masyarakat Malaysia. Bagi memastikan keadaan keselamatan negara sentiasa stabil, beliau mengambil tindakan untuk memantau pengeluaran majalah tersebut sebelum dibenarkan untuk diedarkan di pasaran Malaysia. Beberapa keluaran majalah tersebut iaitu keluaran 35, 36, 37 dan 38 telah diharamkan berikutan mengandungi unsur-unsur yang tidak diingini dan menggugat kepentingan dan keselamatan negara.<sup>56</sup>

Ketika memegang jawatan sebagai Menteri Dalam Negeri, beliau turut memberi perhatian serius terhadap usaha membanteras anasir komunis. Antara usaha beliau adalah membuka sebuah penjara terbuka di Sabah yang bertujuan untuk menghapuskan pengganas-pengganas komunis.<sup>57</sup> Selain itu, beliau juga membuat tinjauan di Sarawak untuk memantau kemajuan pemulihan dalam penempatan di Kampung-kampung Baru di bawah "Operation Hammer" di Batu 17, Jalan Serian.<sup>58</sup> Selain memantau Kampung-kampung Baru, Dr. Ismail juga telah memeriksa 6.5 juta tahanan di Kem Kuching serta melawat unit-unit polis dan kastam bagi membincangkan mengenai masalah yang dihadapi mereka dalam menyempurnakan tugasannya harian.<sup>59</sup> Tujuannya adalah bagi memastikan tugas mengawal keselamatan negara berjalan dengan lancar dan berkesan.

Demi menjamin keselamatan negara, Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) terpaksa digunakan. ISA dirangka bertujuan melindungi negara dari sebarang bentuk ancaman dan kaedah penahanan yang dibuat melalui akta ini adalah adil dan berperikemanusiaan. Menurut Dr. Ismail, tahanan yang ditahan di bawah Akta ISA bukanlah disebabkan oleh percanggahan fahaman politik, sebaliknya atas kesalahan cuba memberi ancaman keselamatan kepada negara dengan menggunakan kaedah subversif untuk mencapai objektif.<sup>60</sup> Selain kaedah ISA, Kerajaan Malaysia telah memberikan tawaran kepada pihak komunis untuk menyerah diri pada 22 Julai 1966. Sebanyak dua juta risalah mengenai tawaran pengampunan telah dijatuhkan melalui udara dan diedarkan kepada masyarakat untuk menggesa pihak komunis dan subversif lain menerima tawaran ini.

Bagi mengatasi masalah komunis, Dr. Ismail menasihati kerajaan untuk mengambil langkah pemutihan kawasan-kawasan hitam dan

menaiktaraf ekonomi rakyat terutamanya di kawasan Malaysia Timur. Beliau yakin bahawa ancaman komunis dapat di atasi melalui pelan pembangunan negara yang efektif kerana jika ekonomi rakyat dapat dibangunkan dengan baik, pihak komunis sukar untuk melebarkan pengaruhnya.<sup>61</sup> Selain itu, beliau juga berusaha menjalinkan hubungan kerjasama keselataman dengan negara jiran seperti Thailand dan Indonesia bagi mengawal pergerakan komunis. Hasil inisiatif pihak kerajaan dalam membanteras pengaruh komunis telah menyebabkan pihak komunis merasa gusar. Bagi memaksimumkan usaha membanteras komunis, Ibu Pejabat Pusat Risikan di sekitar kawasan sempadan telah ditubuhkan.<sup>62</sup> Dr. Ismail memaklumkan bahawa penubuhan pusat risikan ini memberikan impak yang positif terhadap keselamatan negara kerana ianya telah mengekang pergerakan pasukan komunis yang dahulunya bebas bergerak di kawasan sempadan.<sup>63</sup>

Tumpuan Dr. Ismail terhadap aspek keselamatan negara jelas terbukti apabila beliau kembali menyertai kabinet selepas berlaku peristiwa rusuhan kaum pada 13 Mei 1969. Dr. Ismail telah dilantik sebagai Timbalan Pengarah MAGERAN. Beliau yang berkuasa terhadap keselamatan negara terpaksa menahan individu-individu yang terlibat dalam mengancam keselamatan negara di bawah ISA. Ketika ditemubual oleh akhbar *Straits Times*, Dr. Ismail mengatakan bahawa, “*we are working quietly on constructive methods to deal with problems*”.<sup>64</sup> Beliau memberitahu bahawa negara tidak perlu menyerap keseluruhan amalan demokrasi yang dipraktikkan di barat kerana tidak semuanya sesuai untuk diamalkan di Malaysia, dan arahan darurat yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan adalah semata-mata untuk menyelesaikan masalah.<sup>65</sup>

Ketika menyandang jawatan Timbalan Perdana Menteri pada 22 September 1970, Dr. Ismail dilihat banyak memainkan peranan terhadap isu-isu keselamatan dan mencapai matlamat menstabilkan negara agar masyarakat Malaysia merasa selesa dan selamat.<sup>66</sup> Selain itu, beliau juga berusaha untuk memastikan warganegara asing yang ingin membuat sebarang urusan di Malaysia seperti melabur atau melancong akan merasa selamat. Dalam dekad 70-an, rantau Asia Tenggara merupakan kawasan yang paling ‘panas’ dalam medan perang dingin dunia.<sup>67</sup> Melihatkan hal ini, Dr. Ismail yakin keadaan dunia yang berada dalam suasana perang dingin dapat diselesaikan dengan menggunakan pendekatan neutralisasi.<sup>68</sup> Oleh itu, beliau telah mengusulkan dasar neutralisasi Asia Tenggara dalam Mesyuarat ASEAN kali keempat yang berlangsung di Manila pada 12 Mac 1971. Tujuan dasar ini diperkenalkan adalah demi melindungi negara-negara dalam rantau Asia Tenggara daripada dipergunakan oleh negara-negara kuasa besar untuk kepentingan mereka.<sup>69</sup>

Usaha Dr. Ismail dalam menjalinkan kerjasama keselamatan dengan negara jiran diteruskan dari masa ke semasa bagi memastikan keadaan keselamatan negara sentiasa berada dalam keadaan yang terjamin. Lima tahun sebelumnya, iaitu pada Mac 1967, Malaysia-Indonesia pernah menandatangani perjanjian keselamatan dan ia telah membuaikan hasil yang baik dalam menentang ancaman komunis.<sup>70</sup> Perjanjian yang ditandatangani harus diperbaharui mengikut perkembangan masa dan zaman. Oleh itu kedua-dua negara sering mengadakan perbincangan dan menandatangani perjanjian baru, seperti yang dikatakan Dr. Ismail:

Pengalaman yang diperoleh sepanjang lima tahun yang lalu telah membuktikan perlunya pula Peraturan Keselamatan (Security Arrangement) yang ada di antara kedua-dua buah negara dipertingkatkan dan disesuaikan dengan perkembangan sekarang agar usaha bersama menghapuskan pengganas komunis mendatangkan hasil dan kesan yang lebih besar. Kedua negara telah menyedari tentang perlunya meminda dan mempertingkatkan Peraturan Keselamatan yang wujud sekarang yang khususnya menentukan kerjasama antara pemerintah tentera di wilayah tertentu sahaja. Oleh yang demikian, terdapat keinginan untuk mengadakan musyawarah dan pertukaran pendapat pada peringkat yang lebih tinggi.<sup>71</sup>

Malaysia dan Indonesia telah menandatangani perjanjian baru bagi menaiktaraf kerjasama ketenteraan di kawasan sempadan kedua buah negara. Terdapat tiga objektif utama yang ingin dicapai dalam Perjanjian Keselamatan yang baru. Pertama, bertujuan menaiktaraf dan menyelaraskan peraturan keselamatan sedia ada di kedua-dua negara. Kedua, meluaskan kerjasama keselamatan meliputi sempadan Malaysia Timur-Indonesia kerana dalam Perjanjian Keselamatan sebelum ini, kawasan kerjasama keselamatan adalah agak terhad.<sup>72</sup> Ketiga, menyediakan mekanisme bagi memastikan kerjasama yang baik antara pasukan keselamatan kedua-dua negara.<sup>73</sup> Sebelum Perjanjian Keselamatan yang baru ditandatangani pada April 1972, Dr. Ismail telah bertemu dengan Presiden Suharto untuk membincangkan mengenai ancaman komunis dan keselamatan di sempadan kedua-dua negara.<sup>74</sup>

Dr. Ismail sememangnya seorang pemimpin yang amat mementingkan aspek keselamatan dan pembangunan ekonomi negara. Perkara ini dapat dibuktikan apabila dalam lawatannya bertemu Suharto di Jakarta, beliau bukan sahaja membincangkan mengenai keselamatan negara di kawasan sempadan Sarawak-Kalimantan, tetapi turut mengambil kesempatan membincangkan aspek ekonomi dan peluang-peluang yang boleh diterokai oleh Malaysia.<sup>75</sup> Fokus Dr. Ismail terhadap aspek ekonomi dapat dilihat semenjak beliau dilantik

Menteri Perdagangan dan Perusahaan, Duta, Menteri Luar, Menteri Dalam Negeri dan Timbalan Perdana Menteri. Perbincangan mengenai aspek kerjasama perdagangan ini mendapat respon yang baik daripada Suharto dan beliau meletakkan harapan bahawa kedua-dua negara harus bekerjasama membangunkan ekonomi.<sup>76</sup>

Selain Indonesia, Dr. Ismail turut mengadakan kerjasama dengan kerajaan Thailand dalam memastikan keselamatan sempadan terjamin.<sup>77</sup> Thailand dan Malaysia mempunyai musuh negara yang sama di kawasan sempadan iaitu ancaman pihak komunis. Oleh itu, dalam Mesyuarat Jawatankuasa Sempadan kali ke-14, Dr. Ismail mencadangkan agar Thailand dan Malaysia mengambil langkah untuk mengukuhkan ekonomi negara masing-masing bagi mengawal dan menentang ancaman komunis. Hal ini kerana, beliau yakin faktor ekonomi merupakan salah satu faktor terpenting bagi membanteras kebanjiran pengaruh komunis dalam kalangan masyarakat yang tinggal di kawasan sempadan.<sup>78</sup> Cadangan Dr. Ismail ini telah mendapat persetujuan Kerajaan Thailand.<sup>79</sup> Mr. Phuang Suwanrath, Setiausaha Dalam Negeri Thailand memberitahu bahawa Kerajaan Thailand telah mengambil tindakan terhadap usul Dr. Ismail. Beliau menyatakan empat kawasan yang terletak di sempadan telah diletakkan dalam Program Pembangunan Segera.<sup>80</sup>

Selain faktor ekonomi, kejayaan dalam mengekang pengaruh komunis daripada terus menjadi ancaman negara adalah melalui jalinan kerjasama keselamatan di kawasan sempadan antara Malaysia dan Thailand.<sup>81</sup> Kerjasama mengawal kawasan sempadan negara boleh dikatakan telah berjaya mencapai objektifnya. Hal ini kerana pengganas komunis ini sukar untuk bergerak dalam kumpulan yang besar dan terpaksa bergerak dalam kumpulan-kumpulan kecil bagi mengelak pergerakan mereka dihidu oleh pasukan keselamatan.<sup>82</sup> Kesukaran pihak komunis untuk bergerak secara tidak langsung akan menipiskan peluang mereka untuk memberi ancaman keselamatan terhadap negara dan menyebarkan dakyah mereka kepada penduduk tempatan.

## Kesimpulan

Penilaian terhadap tindakan yang kerap diambil oleh Dr. Ismail bermula ketika beliau memegang jawatan sebagai Menteri Perdagangan dan Perusahaan sehingga jawatan terakhir iaitu Timbalan Perdana Menteri. Fokus utama beliau adalah terhadap aspek ekonomi dan keselamatan. Kedua-dua aspek ini dilihat saling berkait kerana tanpa kedudukan ekonomi yang kukuh keselamatan negara akan mudah terancam dan secara tidak langsung akan menggugat keadaan ekonomi negara. Hal ini berikutan para pelabur tidak akan membuat pelaburan

di negara-negara yang bergolak dan tidak stabil dari aspek keselamatan. Oleh itu, bagi memastikan keadaan negara terus berada dalam keadaan yang stabil dan maju, kedua-dua aspek ini harus dititik-beratkan.

Dr. Ismail dilihat juga turut menitik-beratkan aspek ekonomi dan berusaha menarik pelabur-pelabur asing untuk menyuntik modal ke dalam negara. Tugas sebagai Menteri Perdagangan dan Perusahaan sememangnya menuntut beliau untuk memberi perhatian terhadap aspek ekonomi. Hal ini bertujuan bagi memastikan kemerdekaan negara terus dapat dipertahankan dan keadaan ekonomi negara berada dalam keadaan terjamin. Malahan, pada peringkat awal ini amat penting untuk menonjolkan imej yang baik dan stabil terhadap masyarakat antarabangsa agar negara-negara dunia merasa yakin dengan kebolehan Malaysia untuk berdiri sebagai sebuah negara yang berdikari.

### Nota

<sup>1</sup> Ayah Dr. Ismail, Dato' Abdul Rahman Yassin merupakan tokoh yang dihormati di negeri Johor. Terdapat dua keluarga yang sangat dihormati di Johor pada ketika itu kerana penglibatan politik serta sumbangan mereka kepada negeri Johor, iaitu keluarga Dato' Onn Jaafar dan keluarga Dato' Abdul Rahman Yassin. Dato' Abdul Rahman Yassin mula berkhidmat dengan kerajaan Johor pada tahun 1895 ketika berusia 25 tahun. Jawatan pertama disandang oleh beliau ialah kerani dalam pentadbiran awam. Kemudiannya, Dato' Abdul Rahman Yassin telah dilantik menjadi Pesuruhjaya Daerah, Majistret dan Bendahari negeri Johor. Ketika Tanah Melayu di bawah pendudukan Jepun pada tahun 1942, Sultan Ibrahim telah melantik Dato' Abdul Rahman Yassin sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Negeri Johor. Dato' Abdul Rahman Yassin juga merupakan speaker Dewan Negara yang pertama pada September 1959 sehingga 31 Disember 1968. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk, Parlimen Malaysia (PM), Perbahasan Parlimen Dewan Negara Dewan Negara (Senate) Penyata Rasmi (Dewan Negara Yang Kedua Penggal Kelima), Jilid V No. 5, Hari Selasa, 22 Oktober 1968; PM, Perbahasan Parlimen Dewan Negara (Senate) Penyata Rasmi (Dewan Negara Yang Kedua Penggal Kelima), Jilid V No. 7, Hari Isnin, 24 Februari 1969; Kamdi Kamil, 'Dato' Abdul Rahman Muhammad Yasin', dalam Abu Bakar Hamid, Md. Ismail Zamzam (ed), *Pejuang Terbilang Johor*, Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor, 2002, hlm. 77.

<sup>2</sup> *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995, hlm. 989.

<sup>3</sup> Kolej Perubatan King Edward VII ditubuhkan pada tahun 1905 di Singapura. Dr. Ismail memasuki Kolej Perubatan King Edward VII pada 25 tahun penubuhan kolej ini. Pada tahun 1935 ini, hanya terdapat 26 orang sahaja pelajar perubatan yang diterima masuk sebagai pelajar tahun pertama. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Secretariat Files (SSF) SEL. SEC. G. 1593/1931, Selangor Federal Council Paper No 23/31- Annual

- Report of the King Edward VII College of Medicine, 1930; Jabatan Arkib Negara Malaysia (JANM) Singapore STAT 2/6, Straits Settlements, Annual Report of The King Edward VII College of Medicine, 1935; JANM Singapore STAT 2/61, Straits Settlements, Annual Report of The King Edward VII College of Medicine, 1936.
- <sup>4</sup> Kamdi Kamil, 'Tun Dr. Ismail', dalam Abu Bakar Hamid, Md. Ismail Zamzam (ed), *Pejuang Terbilang Johor*, hlm. 107.
- <sup>5</sup> Surat Persendirian (SP) 176/6/2 Dr. William Roff, Memoirs of Tun Ismail, Including Notes by The Ambassador and Notes From His Diary.
- <sup>6</sup> Ooi Kee Beng, *The Reluctant Politician: Tun Dr. Ismail*, Singapore : Institute of Southeast Asian Studies (ISEAS), 2006, hlm. 20.
- <sup>7</sup> Kamdi Kamil, 'Dato' Abdul Rahman Muhammad Yasin', dalam Abu Bakar Hamid, Md. Ismail Zamzam (ed), *Pejuang Terbilang Johor*, hlm. 17.
- <sup>8</sup> Institute of Southeast Asean Singapore (ISEAS) Tun Ismail Private Papers (TIPP) Folio 12 (a), Drifting into Politics.
- <sup>9</sup> *Straits Times*, 20 September 1959.
- <sup>10</sup> ISEAS TIPP Folio 12 (a), Drifting Into Politics.
- <sup>11</sup> Senarai Fail United Malay National Organisation (SFUMNO) UMNO/ SUA 78/56, Riwayat Hidup Pemimpin-pemimpin UMNO, Biography of Dr. Ismail.
- <sup>12</sup> 'Queen's and Malaysia: still enjoying a long and proud association. A tribute to two important Wyverns', *InAeternum*, The Wyverns Society Newsletter- April 2010, hlm. 16; *Suara Johor*, Berpulangnya Ke Alam Abadi: Seorang Patriot, Tonggak Bangsa, Pembela Nusa, Bilangan 2, Terbitan Kerajaan Negeri Johor, Ogos 1973.
- <sup>13</sup> Tanah Melayu digunakan untuk peristiwa-peristiwa sebelum Malaysia dibentuk pada 16 September 1963 yang menggabungkan Persekutuan Tanah Melayu dengan Sabah dan Sarawak. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk, Dominion Office (DO) 169/351, Foreign Office, To Certain Her Majesty's, Greater Malaysia, no. 13 representatives, INTEL, 12 Januari 1962, My INTEL No. 104 of August 10, 1961; Kementerian Luar Negeri (KLN), Kementerian Luar Negeri- Malaysia: Reports Of "Confrontation of Malaysia by Indonesia"; Muhammad Ghazali Shafie, *Ghazali Shafie's Memoir on The Formation of Malaysia*, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1998; N. J. Ryan, *The Making of Modern Malaysia and Singapore: A History From Earliest Times to 1966*, Kuala Lumpur, Singapore: Oxford University Press, 1970, hlm. 266; Kunaseelan a/l Muniandy, *Hubungan Malaysia-Indonesia 1957-1970*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996, hlm. 218.
- <sup>14</sup> Dato' Onn Jaafar lahir di Bukit Gambir, Johor Bahru pada 1 Februari 1895. Dato' Onn lahir dalam keturunan keluarga elit Melayu ternama di Johor. Ayah beliau, Jaafar Haji Muhammad merupakan Pembesar Kanan Johor dan pernah menjadi Menteri Besar Johor yang pertama pada tahun 1873 di zaman Sultan Abu Bakar. Latar belakang serta kedudukan keluarga Dato' Onn yang rapat dengan kerabat Diraja Johor menjadikan kehidupan beliau agak mewah di samping dijadikan anak angkat oleh Sultan Ibrahim. Dato' Onn juga mempunyai darah keturunan daripada Bendahara Melaka iaitu Bendahara Tun Hamzah yang merupakan Bendahara Melaka yang

terakhir sebelum Melaka diserang oleh Portugis pada tahun 1911. Dato' Onn dilantik menjadi Menteri Besar Johor yang ke-7 pada tahun 1947. Keluarga Dato' Onn boleh dikatakan mewarisi jawatan Menteri Besar Johor kerana selepas ayah beliau menjadi Menteri Besar Johor, dua orang abang Dato' Onn iaitu Dato' Abdullah Jaafar dan Dato' Mustapha Jaafar juga pernah menjadi Menteri Besar Johor. Arba'iyah Mohd Noor, 'Dato' Onn Jaafar: Pencetus dan Penggerak Kebangkitan Serta Kemajuan Masyarakat di Tanah Melayu', dalam Zulkanain Abdul Rahman, Arba'iyah Mohd Noor, Ahmad Kamal Ariffin (editor), *Dastar Pendeta: Kumpulan Esei Sempena Persaraan Profesor Dr. Abdullah Zakaria Ghazali*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2012, hlm. 117-126.

- <sup>15</sup> Dr. Ismail hanya menyertai UMNO selepas Tunku mengambil alih pucuk pimpinan UMNO. Ketika menyertai UMNO, beliau telah dilantik menjadi Ketua Perhubungan UMNO negeri Johor. Malahan, beliau merupakan Ketua Bahagian UMNO Johor Bahru Timur. Bahagian Johor Bahru Timur ini terdiri daripada 30 buah bahagian iaitu, bahagian Bandar Johor Bahru Timur, Kampung Ulu Tiram, Kampung Melayu Majidi, Bukit Chagar, Wadi Hana, Tiram, Majidi Bahru, Kampung Bakar Batu, Stulang Bahru, Pasir Gudang, Sungai Tiram, Larkin Kastam, Pasir Putih, Sungai Plentong, Kampung Senibong, Tanjung Langsat, Kampung Kopok, Kongkong Estate, Tong Hen, Kuala Tiram, Masai, Cahaya Baru, Larkin, Tok Siak, Kebun Teh, Stulang Darat, Ayer Putih, Kampung Baru Sungai Redan, Perigi Acheh dan Kampung Tekong. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk, Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) AGP/1/12, Penyata 1967, UMNO Malaysia.

- <sup>16</sup> ISEAS TIPP Folio 12 (a), *Drifting Into Politics*.

- <sup>17</sup> Chandran Jeshurun, *Dr. Ismail Abdul Rahman: Minister of External Affairs February 1959-August 1960*, Kuala Lumpur: Institute of Diplomacy and Foreign Relations (IDFR), 2009, hlm. 13.

- <sup>18</sup> Kementerian Luar Negeri (KLN) (480) 381 B JLD. 1, Information Services/ Propaganda-Information-Washington, Embassy of The Federation of Malaya, News Bulletin, Buletin daripada Pejabat Duta Besar, Persekutuan Tanah Melayu di Washington kepada Political and Information Division, Ministry of External Affairs, Federation of Malaya, Kuala Lumpur, 14 September 1960.

- <sup>19</sup> Portal Rasmi Kementerian Dalam Negeri, <http://www.moha.gov.my>, 24 Februari 2012.

- <sup>20</sup> Dr. Ismail meletakkan jawatan secara rasmi pada 1 Jun 1967 dan perletakan jawatan beliau ini dikatakan disebabkan oleh faktor kesihatan. Beliau telah membuat pengumuman secara rasmi mengenai perletakan jawatannya pada 27 Mei 1967. Beliau merancang untuk meneruskan kerjaya beliau sebagai doktor swasta selepas bersara dari kabinet. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk, Ucapan-ucapan Tun Dr. Ismail (UTDI) 01/906, Ucapan Yang Amat Berhormat Tun Dr. Ismail bin Dato' Haji Abdul Rahman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Di temuduga TV, 27 Mei 1967; *Straits Echo*, 24 Februari 1967.

- <sup>21</sup> Jabatan Penerangan Malaysia (JPENM) Pen.8/70/330 (Hari Kebangsaan PM), Ucapan YTM Tunku Abdul Rahman Al-haj kepada negara melalui televisyen dan radio Malaysia pada pukul 8.10 malam, 30 Ogos 1970.
- <sup>22</sup> Tunku Abdul Rahman mengumumkan persaraannya dan melantik Tun Abdul Razak sebagai Perdana Menteri yang baru pada sambutan ulangtahun kemerdekaan Malaysia yang ke-13 pada 31 Ogos 1970. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk, Ucapan-ucapan Tunku Abdul Rahman (UTARHMN) 70/79, Text of Adressing, YTM Tunku Abdul Rahman Putra, Prime Minister of Malaysia to the nation on the occasion of National Day on Sunday, 30<sup>th</sup> August 1971; *Berita Harian*, 23 September 1970.
- <sup>23</sup> *Straits Times*, 24 November 1956; *Straits Times*, 27 Disember 1956.
- <sup>24</sup> *Straits Times*, 19 Januari 1957.
- <sup>25</sup> *Straits Times*, 8 September 1956.
- <sup>26</sup> *Straits Times*, 11 Februari 1957.
- <sup>27</sup> Ibid.
- <sup>28</sup> Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (KPP) KPP/12.001, Sejarah Penubuhan dan Penyusunan Semula, 1956-1978.
- <sup>29</sup> Ibid.
- <sup>30</sup> Jabatan Perangkaan Malaysia (JPRGNM) A(P) PER/12, Malaya Rubber Statistics Handbook, 1957- Acreage, Production, Yields, Imports, Exports and Consumption.
- <sup>31</sup> *Straits Times*, 7 Ogos 1957.
- <sup>32</sup> Ibid.
- <sup>33</sup> *Straits Times*, 21 Ogos 1957.
- <sup>34</sup> Bangunan pejabat yang dibeli oleh Dr. Ismail yang terletak di Washington, beralamat 2401 Massachusetts Avenue N.W, Washington 8, D.C dan bangunan pejabat di New York, terletak di 60 East 42nd Street, New York 17, N.Y. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk SP 43/1/33, Dato' Nik Ahmad Kamil, Alamat Pejabat Duta Besar ini diperolehi daripada kepala surat, Surat daripada Ismail Mohamed Ali kepada Dato' Nik Ahmad Kamil, 18 Februari 1959; SP 43/1/53, Dato' Nik Ahmad Kamil, Surat Daripada Mohamed Sopiee Kepada Dato' Nik Ahmad Kamil, 20 April 1959, alamat Pejabat Wakil Tetap Tanah Melayu ke PBB diperolehi daripada kepala surat ini; KLN (050) 626-2 Volume 1, Printing and Publications, Distribution of Publications to Federation Missions Overseas, alamat diperoleh daripada surat yang dihantar oleh Wakil Tetap Tanah Melayu ke PBB kepada Kementerian Luar, Kuala Lumpur, 19 Oktober 1961.
- <sup>35</sup> *Straits Times*, 20 Jun 1957.
- <sup>36</sup> *Straits Times*, 21 Ogos 1957.
- <sup>37</sup> Ketua Perwakilan Negara di negara-negara bukan Komanwel digelar sebagai "Duta", manakala bagi Ketua Perwakilan di negara-negara Komanwel digelar sebagai "Pesuruhjaya Tinggi". Kedudukan Pesuruhjaya Tinggi adalah lebih bebas berbanding Duta, ini kerana Pesuruhjaya Tinggi boleh berurus secara terus dengan kementerian atau jabatan di negara tempat mereka bertugas berbanding dengan Duta. Tanah Melayu menjadi anggota Komanwel sejurus negara mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Untuk keterangan lanjut, sila rujuk, Colonial Office (CO) 1030/437,

Admission Of Malaya To Membership Of The Commonwealth Upon Attaining Merdeka; Mokhtar A. Kadir, *Keamanan Sejagat: Peranan Malaysia Dalam Politik Antarabangsa*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, hlm. 172-173; Prime Minister's Office (PREM) 13/1004/1, Record of A Conversation Between The Prime Minister and The Malaysian Minister of Home Affairs at 10 Downing Street, 12.10 P.M, 3 May 1966.

<sup>38</sup> Adik ipar Dr. Ismail iaitu Zainab binti Dato' Seth yang berkelulusan perubatan dari Scotland bercita-cita ingin menjadi seorang diplomat. Beliau memberitahu bahawa beliau ingin menjadi seperti ayahnya dan juga abang ipar beliau, Dr. Ismail yang bertugas sebagai diplomat. Zainab menyatakan bahawa beliau ingin menjadi wanita Melayu pertama yang bekerja sebagai diplomat. Malahan Zainab berkebolehan berbahasa Inggeris dan Perancis dengan baik. Beliau juga merancang untuk mempelajari bahasa Arab dan juga German. *Straits Times*, 14 September 1957.

<sup>39</sup> ISEAS TIPP Folio 5(a), Notes by Ambassador, 13 Mac 1958.

<sup>40</sup> *Straits Times*, 26 September 1958.

<sup>41</sup> Tawfik Ismail, Ooi Kee Beng, *Malaya's First Year At The United Nations: As reflected in Dr. Ismail's Reports Home to Tunku Abdul Rahman*, Singapura: Institute of Southeast Asian Studies (ISEAS), 2009, hlm. 45.

<sup>42</sup> *Straits Times*, 24 April 1958.

<sup>43</sup> Tanah Melayu telah menjadi anggota Bank Dunia yang ke-65. Istiadat menjadi anggota itu telah dihadiri oleh Duta Tanah Melayu, Dr. Ismail yang mewakili kerajaan Tanah Melayu. Turut hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan Setiausaha Rendah Amerika Syarikat Tuan C. Douglas Dillion dan pegawai-pegawai kanan bank itu. C. Douglas Dillion telah menyambut Tanah Melayu sebagai ahli bagi dua bahagian bank itu dengan "meriah yang istimewa". Duta Tanah Melayu, Dr. Ismail telah mensifatkan istiadat menanda tangani perjanjian itu sebagai "saat yang bahagia" dan berkata keanggotaan Tanah Melayu dalam bank dan tabung wang itu ialah akuan lagi akan kedaulatan negerinya. *Berita Harian*, 4 April 1958.

<sup>44</sup> ISEAS TIPP Folio 5(a), Notes by Ambassador, 24 Mac 1958.

<sup>45</sup> ISEAS TIPP Folio 5(a), Notes by Ambassador, 24 dan 25 April 1958.

<sup>46</sup> Surat daripada Dato' Abdul Razak bin Dato' Hussain, Menteri Pertahanan kepada Dr. Ismail, 28 Januari 1958, Institute of Asian Research (IAR)3(2a)/57a.

<sup>47</sup> Dewan Rakyat-Parlimen Malaysia Federation of Malaya, (DR-PMFM) Legislative Council Debates, Official Report, Twenty-Third Meeting of The Third Session of The Second Legislative Council, 23 Oktober 1958.

<sup>48</sup> *Straits Times*, 2 Februari 1959.

<sup>49</sup> *Straits Times*, 2 Februari 1959.

<sup>50</sup> Ketika menjadi Duta ke Amerika Syarikat dan Wakil Tetap ke PBB, Dr. Ismail dan isterinya Toh Puan Norashikin pernah bertemu dengan Mr. Homer Byington di Ibu Pejabat PBB di New York. Ketika pertemuan ini, Mr. Homer Byington baru sahaja dilantik untuk menjadi Duta Amerika Syarikat ke Persekutuan Tanah Melayu. *Straits Times*, 15 November 1957.

<sup>51</sup> *Straits Times*, 22 April 1959.

- 52 Ibid.
- 53 Dr. Ismail berlepas ke Indonesia dari Singapura dengan menaiki Qantas Airways. *Straits Times*, 10 November 1959.
- 54 *Straits Times*, 18 Oktober 1959.
- 55 *Straits Times*, 29 Oktober 1959.
- 56 PM-DR, Penyata Rasmi, Parlimen ketiga, Penggal Parlimen Pertama, Jilid 1, Bil. 22, Hari Isnin, 12 Julai 1971.
- 57 *Malay Mail*, 4 Ogos 1966.
- 58 JPEN PEN. 8/66/37 (HA), Tun Ismail Leaves For Visit To East Malaysia, 4 Ogos 1966.
- 59 JPEN PEN. 7/65/212 (INF), Dato' (Dr.) Ismail visits Sarawak, 15 Julai 1965; *Eastern Sun*, 5 Ogos 1966.
- 60 *Straits Times*, 7 Ogos 1966.
- 61 *Straits Echo*, 8 Ogos 1966.
- 62 *Straits Times*, 10 Ogos 1966.
- 63 *Eastern Sun*, 21 Ogos 1966.
- 64 *Straits Times*, 21 Jun 1969.
- 65 Ibid.
- 66 Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) AGP/1/J/1/12, Perasmian Kompleks UMNO Malaysia, 26 September 1985.
- 67 *Straits Times*, 24 April 1972.
- 68 Ibid.
- 69 *Straits Echo*, 16 April 1972.
- 70 Sumarno yang merupakan salah seorang anggota Parlimen Indonesia telah menyatakan bahawa ancaman komunis di Malaysia merupakan ancaman bagi Indonesia. Disebabkan hal ini, Indonesia harus menjalankan kerjasama secara lebih efektif dengan Malaysia. *Merdeka*, 12 Mei 1972.
- 71 UTDI 01/914, Ucapan YAB Tun Dr. Ismail, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dalam Upacara Menandatangani Peraturan Keselamatan (Security Arrangement) antara Kerajaan Malaysia dan Republik Indonesia di Treaty room, Wisma Putra, 6 April 1972.
- 72 *Straits Echo*, 13 Mac 1972.
- 73 *Straits Times*, 7 April 1972.
- 74 *Straits Times*, 10 Mac 1972.
- 75 *Sunday Times*, 12 Mac 1972.
- 76 Ibid.
- 77 *Straits Echo*, 7 Jun 1972; *Malay Mail*, 29 Mei 1972.
- 78 Dr. Ismail memberitahu Dewan Rakyat, kira-kira 1000 pengganas komunis menjalankan operasi di sepanjang kawasan sempadan Malaysia-Thailand. Masalah ini menyebabkan pihak Kerajaan mengambil masa yang lama untuk membanteras segala ancaman tersebut. Malahan, Dr. Ismail turut mengakui bahawa situasi yang berlaku merupakan sesuatu yang merbahaya namun masih mampu dikawal oleh Kerajaan. Hal ini kerana pihak Kerajaan sentiasa membuat pemantauan segala aktiviti komunis melalui operasi keselamatan di kawasan yang terbabit. *Straits Times*, 18 Mei 1972.
- 79 *Straits Times*, 2 Jun 1972.

<sup>80</sup> *Straits Echo*, 7 Jun 1972.

<sup>81</sup> JPEN PEN. 9/70/319 (TPM), 11<sup>th</sup> General Border Committee Meeting, Kuala Lumpur, 30 September 1970.

<sup>82</sup> UTDI 01/815, Speech by YAB Tun Dr. Ismail Alhaj bin Datuk Haji Abdul Rahman, Deputy Prime Minister and Leader of Malaysian Delegation at The 14<sup>th</sup> Meeting of The General Border Committee at Bangkok, 30 Mei 1972; *Straits Times*, 31 Mei 1972.